



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

MENTERI MAFI TINJAU MYFARM OUTLET PUTRAJAYA & PUSAT OPERASI FAMA DENGKIL

SEPANG (7 JUN) -- YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini telah mengadakan lawatan kerja di dua lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) iaitu MyFarm Outlet Putrajaya dan Pusat Operasi FAMA Dengkil, Sepang Selangor.

Tujuan lawatan kerja ini bagi beliau melihat sendiri kelangsungan rantaian bekalan makanan melalui PST yang menawarkan barang keperluan kepada pengguna khususnya penduduk setempat ketika tempoh penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial ataupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) “Total Lockdown” Fasa Pertama bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021.

PST diwujudkan dengan objektif untuk memberi akses pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barang keperluan dengan penawaran penjimatan 5 hingga 20 peratus.

Pada masa yang sama PST sebagai ruang pasaran kepada usahawan untuk memasarkan produk mereka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP Total Lockdown Fasa Pertama.

Menurut Ronald, MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya untuk memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan termasuk mengurus isu lambakan, antaranya melalui pelaksanaan PST ini di lokasi-lokasi terpilih yang beroperasi mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, secara keseluruhan, sebanyak 42 buah PST beroperasi setakat ini di seluruh negara dengan nilai jualan yang dicatatkan sebanyak RM18.90 juta sehingga 4 Jun 2021 yang melibatkan 348 petani dan 6,879 usahawan.

“PST ini akan terus beroperasi sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh ini,” katanya.

Tambah beliau, setiap PST akan mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah, ikan, ayam, daging, produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), barang runcit dan makanan (*take away*).

Dalam pada itu, pengguna turut disaran membeli barang secara dalam talian (*online*) dan mengurangkan pertemuan (*contact*) di PST. Pelbagai kemudahan pembelian dalam talian telah tersedia seperti aplikasi Agrobazaar Online (ABO) serta aplikasi e-commerce lain sektor swasta yang juga menjual barang segar dan keperluan seperti Shopee, Lazada, MyGrocer, OurFarm AirAsia, Farm2Table dan sebagainya.

Pada masa sama, Ronald menjelaskan bahawa MAFI sentiasa mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan, antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian serta industri makanan.

Beliau berkata MAFI dengan kerjasama semua pihak bertanggungjawab akan terus memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil kerana sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu (*essential services*).

Sehingga 6 Jun 2021, MAFI melalui Jabatan dan Agensi dibawahnya secara keseluruhan telah mengeluarkan sebanyak 76,869 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal (*informal*) termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak, nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani.

Manakala, sektor pertanian formal (*formal*) yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) dibawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Total Lockdown Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

#####

7 JUN 2021


Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Anzara Azizan@Halim
Pengarah Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
017-8448420 / anzara@fama.gov.my

Muhammad Firdaus Bin Kamil Hadi
Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat

RINGKASAN EKSEKUTIF

25 Mei - 4 Jun 2021



LAPORAN JUALAN PST



Pecahan Jualan PST



**LOKASI PASAR SEGAR TERKAWAL (PST):
PUSAT OPERASI, PASAR TANI KEKAL (PTK), AGROBAZAAR & MY FARM OUTLET (MFO) YANG
BEROPERASI
DI SELURUH MALAYSIA DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN (1-14 JUN 2021)**

